

# Wujud pasukan petugas khas

## Sebagai langkah pantau projek pembinaan hab pendidikan

**PAGOH** - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu sebuah pasukan petugas ditubuhkan bagi memantau kerja-kerja pembangunan Hab Pendidikan Tinggi Bandar Universiti di sini.

Beliau berkata pasukan petugas itu akan dapat memastikan setiap fasa pembinaan institusi pengajian tinggi (IPT) dalam hab pendidikan itu disiapkan mengikut jadual.

"Fasa pembangunan amat penting. Kita perlu tubuhkan pasukan petugas yang akan dimaklumkan kerja-kerja di atas tanah, fasa-fasa pembangunan semua IPT.

"Kalau ada masalah, boleh ambil tindakan segera mengatasinya supaya projek pembinaan tidak tertangguh," katanya ketika berucap merasmikan kampus sementara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di Taman Pagoh Jaya, di sini.

Hab Pendidikan Tinggi Bandar Universiti Pagoh itu dibangunkan dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan Sime Darby di atas kawasan seluas 204 hektar di Mukim Jorak, di sini, yang melibatkan perbelanjaan RM992.6 juta secara Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

Fasa pertama hab pendidikan itu yang akan menempatkan empat IPT iaitu UTHM, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pusat Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia dan Politeknik Pagoh dijangka siap pada 2016 dan mampu menampung

Muhyiddin (kanan) melihat visual bangunan dewan kuliah di kampus baru Universiti Tun Hussien Onn (UTHM) yang sedang dalam pembinaan selepas merasmikan kampus sementara UTHM di Pagoh Jaya di sini, semalam.



kira-kira 10,000 pelajar.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pembukaan hab pendidikan yang dianggap sebagai lembah ilmu mampu menjana modal insan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja dalam pelbagai sektor pada masa depan.

Muhyiddin dalam pada itu memuji UTHM kerana menjadi antara IPT terawal yang memberi maklum balas untuk membuka kampus di hab pendidikan berkena-

an bagi menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat di kampus induknya di Parit Raja, Batu Pahat.

"Saya harap UTHM akan dapat menjadi perintis untuk memulakan langkah yang lebih panjang bagi menjadi institusi pengajian tinggi yang cemerlang dan terkemuka," katanya.

Pada majlis itu, Muhyiddin turut menyaksikan penyerahan sumbangan RM4.8 juta daripada Suruhanjaya Koperasi

Malaysia (SKM) kepada UTHM sebagai dana untuk membeli lima unit rumah kedai untuk dijadikan kolej kediaman pelajar dan modal pusingan koperasi universiti berkenaan.

Turut hadir isteri beliau Puan Sri Noorainee Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Datuk Ab Rahim Mohd Noor dan Naib Canselor UTHM Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin - Bernama